

JADUAL PERKHIDMATAN ATILZE FLEET

20191008

Jadual Perkhidmatan Atilze Fleet ini diperbadankan dan merupakan sebahagian daripada Terma dan Syarat Am Atilze Telematics.

Terma dan syarat berikut akan terpakai kepada langganan Perkhidmatan Atilze Fleet.

Melainkan dinyatakan secara jelas dalam Jadual ini, semua perkataan kapital akan mempunyai makna yang sama seperti dalam Terma dan Syarat Am Atilze Telematics.

1. Terma

1.1 Perjanjian ini akan berkuatkuasa pada Tarikh Efektif, dan akan terus berkuatkuasa sehingga ditamatkan oleh mana-mana Pihak selaras dengan peruntukan Perjanjian ini.

2. Tempoh Kontrak Minimum

2.1 Klausula 2 terpakai kepada Pelanggan yang menyewa Produk daripada Atilze dan tidak terpakai kepada Pelanggan yang membeli Produk daripada Atilze.

2.2 Perkhidmatan Atilze Fleet dilengkapi dengan Tempoh Kontrak Minimum seperti yang dinyatakan dalam Borang Pesanan. Tempoh Kontrak Minimum akan bermula pada Tarikh Permulaan dan selepasnya akan diperbaharui secara automatik atau dilanjutkan untuk berturut-turut tempoh setiap dua belas (12) bulan, dengan caj and kadar yang ditentukan oleh Atilze, melainkan ditamatkan oleh salah satu Pihak selaras dengan Perjanjian.

2.3 Sekiranya Pelanggan secara unilateral menamatkan Perkhidmatan Atilze Fleet selepas Tarikh Efektif tetapi sebelum Tarikh Permulaan, semua kos dan caj yang ditanggung oleh Atilze akan ditanggung oleh Pelanggan.

2.4 Sekiranya Pelanggan secara unilateral menamatkan Perkhidmatan Atilze Fleet, semasa tetapi sebelum penamatan Tempoh Kontrak Minimum, Pelanggan akan bertanggungjawab untuk membayar Atilze Yuran Langgaran bagi baki Tempoh Kontrak Minimum dalam dua puluh satu (21) hari dari tarikh penamatan, sebagaimana yang dipersetujui sebagai ganti rugi pembubaran.

3. Perjanjian Tempoh yang Tidak Tetap

3.1 Klausula 3 terpakai kepada Pelanggan yang membeli Produk daripada Atilze dan tidak terpakai kepada Pelanggan yang menyewa Produk daripada Atilze.

- 3.2 Langganan Perkhidmatan Atilze Fleet adalah perjanjian Tempoh yang Tidak Tetap. Perkhidmatan Atilze Fleet akan bermula pada Tarikh Permulaan untuk tempoh permulaan selama dua belas (12) bulan dan akan diperbaharui secara automatik atau dilanjutkan untuk tempoh dua belas (12) bulan berturut-turut, dengan caj semasa dan kadar yang akan ditentukan oleh Atilze, melainkan ditamatkan oleh salah satu Pihak mengikut peruntukan Jadual ini.
- 3.3 Sekiranya Pelanggan secara unilateral menamatkan Perkhidmatan Atilze Fleet selepas Tarikh Efektif tetapi sebelum Tarikh Permulaan, semua kos dan caj yang ditanggung oleh Atilze akan ditanggung oleh Pelanggan.
- 3.4 Pelanggan boleh menamatkan Perkhidmatan Atilze Fleet pada bila-bila masa, dengan memberi notis enam puluh (60) hari kepada Atilze.

4. Perkhidmatan Atilze Fleet

- 4.1 Atilze memberikan hak tidak eksklusif dan hak tidak boleh dipindah milik, dalam Penggal, untuk menggunakan Perkhidmatan Atilze Fleet untuk menjejak dan mengesan Kenderaan untuk tujuan pelaporan, perancangan dan pemesejan dalam Wilayah.
- 4.2 Pelanggan hanya boleh menggunakan Perkhidmatan Atilze Fleet di Wilayah melainkan Pelanggan melanggan perkhidmatan perayauan antarabangsa melalui Borang Pesanan. Tanpa perkhidmatan perayauan antarabangsa, Kenderaan Pelanggan tidak boleh dijejak jika Kenderaan Pelanggan berada di luar Wilayah.
- 4.3 Pelanggan setuju bahawa Perjanjian ini adalah peribadi kepada Pelanggan dan kedua-dua Perjanjian atau hak Pelanggan di bawah Perjanjian ini juga tidak boleh dipindah milik atau diberi kepada pihak lain tanpa persetujuan tertulis daripada Atilze. Dalam keadaan sedemikian, pihak yang ingin Pelanggan memindahkan Produk dan/atau langganan Perkhidmatan Atilze Fleet perlu menandatangani satu perjanjian beransingan sebelum pindah milik Produk dan/atau Perkhidmatan Atilze Fleet dan langganan boleh berkuatkuasa. Jika atas sebab apa pun Pelanggan mahu memindahkan Produk secara fizikal daripada satu Kenderaan ke kenderaan lain yang dimiliki oleh Pelanggan, juruteknik Atilze yang berkeelayakan akan menilai sama ada kenderaan yang pelanggan ingin memindahkan Produk ke adalah serasi dengan Produk tersebut dan jika ianya adalah serasi, pindah milik akan berkuatkuasa. Dalam situasi sebegini, kami berhak untuk mengenakan fi pindah milik Produk. Pindah milik produk di antara kenderaan yang berbeza yang dimiliki oleh Pelanggan tidak akan menjejaskan status langganan Produk tersebut.
- 4.4 Perkhidmatan Atilze Fleet sentiasa dikemas kini untuk meningkatkan fungsi dan memperkenalkan ciri-ciri baru. Oleh itu, kami berhak untuk menukar, mengubah atau mengubah suai Perkhidmatan Atilze Fleet pada bila-bila masa.

4.5 Pelanggan akan mengekalkan hak milik semua hak, tajuk dan kepentingan dalam dan kepada Data Pengguna. Dengan ini, Pelanggan memberikan Atilze lesen sepenuh, bebas royalti, dibayar penuh, boleh dipindah milik, boleh diserahkan, boleh disub-lesenkan (melalui pelbagai peringkat), lesen kekal untuk mengumpul, menganalisis, mengguna dan sebaliknya mengawal mana-mana dan semua Data Pengguna, termasuk hak untuk berkongsi Data Pengguna dengan Sekutu, rakan kongsi, pembekal perkhidmatan, dan/atau pihak ketiga yang diberi kuasa oleh Atilze. Kami tidak mempunyai kewajipan di bawah Perjanjian ini untuk membekalkan kepada Pelanggan sebarang data yang dikumpulkan kecuali melalui Platform Atilze.

5. Pemasangan dan Penerimaan Perkhidmatan Atilze Fleet

5.1 Atilze hanya akan memasang Produk dalam Kenderaan.

5.2 Pihak-Pihak akan bersetuju di atas tarikh dan masa pemasangan. Masa yang diperlukan untuk pemasangan adalah kira-kira 4 jam.

5.3 Pemandu Pelanggan mesti hadir untuk menjalankan ujian pemacu.

5.4 Selepas pemasangan, Pelanggan dikehendaki untuk menandatangani dan mengembalikan Sijil Pemasangan dalam tempoh masa tiga (3) hari bermula daripada hari penerimaannya dan Perkhidmatan Atilze Fleet akan bermula pada Tarikh Permulaan. Sekiranya Pelanggan gagal untuk melaksanakan dan mengembalikan Sijil Pemasangan, Pelanggan akan dianggap telah menerima Perkhidmatan Atilze Fleet dan perkhidmatan tersebut akan bermula pada hari selepas tamat tempoh hari ketiga.

6. Nama Pengguna dan Kata Laluan

6.1 Pelanggan bertanggungjawab untuk mengekalkan kesulitan nama pengguna dan kata laluan. Atilze tidak bertanggungjawab untuk apa-apa akses tanpa izin ke Platform Atilze.

7. Perkhidmatan Komunikasi

7.1 Perkhidmatan Komunikasi akan dibekalkan oleh pihak ketiga yang merupakan pembekal perkhidmatan telekomunikasi. Pelanggan mengakui dan bersetuju bahawa Atilze tidak boleh menjamin: -

- (a) bahawa Perkhidmatan Komunikasi akan sedia secara berterusan;
- (b) bahawa Perkhidmatan Komunikasi boleh didapati di semua lokasi; dan/atau
- (c) kelajuan Data Pengguna yang akan dihantar.

8. KAD SIM

- 8.1 Kad Sim dan semua hak harta intelek, teknologi, perisian dalam Kad SIM, dan dokumentasi yang berkaitan adalah kepunyaan Atilze atau ia adalah hak milik pelesen yang berkenaan. Lesen yang diberikan oleh Atilze kepada Pelanggan hanya boleh digunakan menuruti Perjanjian dan adalah boleh dibatalkan, dengan syarat, tidak eksklusif, tidak boleh diserahkan, tidak boleh sub-lesenkan. Risiko Kad Sim akan dipindahkan kepada Pelanggan selepas penghantaran kepada Pelanggan.
- 8.2 Pelanggan bersetuju bahawa tidak mengganggu atau menjejaskan operasi Kad SIM dan Pelanggan juga tidak dalam apa jua keadaan membuat salinan identiti Kad SIM termasuk untuk tujuan sandaran.
- 8.3 Atilze boleh meminta Pelanggan untuk memulangkan Kad SIM kepada Atilze pada bila-bla masa, selepas penamatan Perjanjian, atau semasa Atilze mengeluarkan gantian untuk Kad SIM yang telah rosak kepada Pelanggan. Atilze akan mengenakan bayaran jika Pelanggan gagal untuk memulangkan kad SIM atas permintaan Atilze.
- 8.4 Setiap Kad SIM akan mempunyai nombor SIM. Nombor SIM tersebut adalah kepunyaan pembekal rangkaian dan mereka mempunyai semua hak berkenaan dengan Nombor Sim. Pembekal rangkaian mempunyai budi bicara mutlak untuk menolak dan menuntut nombor SIM pada mana-mana masa material, tanpa liabiliti, tanpa perlu memberi sebarang sebab kepada Pelanggan atau Atilze.

9. Penyelenggaraan

- 9.1 Pelanggan mengakui dan bersetuju bahawa Atilze boleh menjalankan kerja penyelenggaraan dari semasa ke semasa dan apabila perlu.
 - (a) Penyelenggaraan Berjadual: Penyelenggaraan Berjadual adalah kerja yang dirancang dan diprogramkan atau dijadualkan. Kami akan memberikan notis tujuh (7) hari sebelum penyelenggaraan sedemikian kepada Pelanggan.
 - (b) Penyelenggaraan Kecemasan: Pelanggan memahami dan bersetuju bahawa Penyelenggaraan Kecemasan akan dijalankan oleh kami dalam kejadian ancaman kepada operasi sekitar, kemerosotan perkhidmatan atau kejadian berlaku di luar kawalan kami. Jika keadaan membenarkan, kami akan memberikan notifikasi satu (1) hari sebelum Penyelenggaraan Kecemasan tersebut dijalankan.

10. Caj dan Tempoh Bayaran

- 10.1 Sekiranya Pelanggan dikehendaki mendepositkan jumlah tertentu yang ditetapkan dalam Borang Pesanan dan sebagai jaminan untuk pematuhan dan prestasi oleh Pelanggan terhadap peruntukan yang terkandung ("**Deposit**"), Deposit tersebut hendaklah dikekalkan semasa Penggal dan tidak boleh tanpa persetujuan bertulis kami terlebih dahulu dianggap atau dilayan sebagai bayaran untuk sebarang caj.

- 10.2 Tertakluk kepada pematuhan dan prestasi oleh Pelanggan mengenai peruntukan-peruntukan yang ditetapkan dalam Perjanjian, selepas penamatan Perkhidmatan Atilze Fleet, Atilze akan membayar balik dan membayar kepada Pelanggan Deposit, dalam masa tiga puluh (30) hari dari tarikh penamatan.
- 10.3 Pembayaran yuran langganan Perkhidmatan Atilze Fleet mesti dibayar oleh Pelanggan kepada Atilze sama ada secara bulanan, suku tahunan atau tahunan terlebih dahulu: -
- (a) jika yuran langganan perlu dibayar secara bulanan, Atilze akan bil Pelanggan setiap bulan terlebih dahulu dan Pelanggan hendaklah membayar yuran langganan secara bulanan terlebih dahulu pada atau sebelum 7 hari bulan pada setiap bulan; atau
 - (b) jika yuran langganan perlu dibayar pada setiap suku tahun atau tahunan, Pelanggan mesti membayar jumlah yang ditetapkan dalam invois dalam tempoh empat belas (14) hari daripada tarikh penerimaan invois.
- 10.4 Sekiranya ada caj yang perlu dibayar terlebih dahulu sebelum sebarang penghantaran dan/atau pemasangan mana-mana Produk, Pelanggan mesti membuat bayaran tersebut secara penuh dan jika tidak, Atilze tidak mempunyai sebarang kewajipan untuk menghantar Produk, memasang Produk dan/atau menyediakan Perkhidmatan Atilze Fleet.

11. Penafian Jaminan

- 11.1 Perkhidmatan Atilze Fleet adalah diasaskan 'sebagaimana adanya' (as is), dengan semua kekurangan. Pelanggan menanggung semua risiko dan liabiliti yang timbul daripada atau berkaitan dengan penggunaannya dan pergantungan kepada Perkhidmatan Atilze Fleet. Atilze tidak membuat sebarang representasi atau jaminan apa-apa jenis, sama ada secara lisan atau bertulis, sama ada nyata atau tersirat, atau daripada segi undang-undang, adat, berurusan, perdagangan, berkenaan dengan kualiti, prestasi, ketidak-pelanggaran, komercial utiliti, kebolehdagangan atau kesesuaian mana-mana Perkhidmatan Atilze Fleet untuk tujuan tertentu.
- 11.2 Atilze tidak bertanggungjawab terhadap kehilangan data, kehilangan Data Pengguna, atau ketidakupayaan untuk mengakses Platform Atilze.
- 11.3 Atilze mengecualikan liabiliti di bawah Klausula ini.

12. Penggantungan Perkhidmatan Atilze Fleet

12.1 Atilze berhak untuk menggantung mana-mana atau semua peruntukan Perkhidmatan Atilze Fleet, pada bila-bila masa, dengan atau tanpa notis, bergantung pada budi bicara sendirinya, tanpa liabiliti: -

- (a) sementara menunggu pembayaran penuh dengan apa-apa caj oleh Pelanggan kepada Atilze;
- (b) jika Pelanggan melanggar mana-mana terma dan syarat Perjanjian ini;
- (c) adalah perlu berbuat demikian untuk membenarkan Atilze atau pembekal untuk memperbaiki, menyelenggara atau servis sebahagian daripada Perkhidmatan Atilze Fleet, atau rangkaian pembekal yang digunakan untuk membekalkan Perkhidmatan Atilze Fleet;
- (d) Atilze dikehendaki menggantung untuk mematuhi mana-mana Undang-Undang, dan/atau sebarang notis yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa yang Berkenaan;
- (e) untuk melindungi kepentingan sah Atilze;
- (f) satu peristiwa Force Majeure;
- (g) Pelanggan melakukan tindakan muflis atau akibat penyampaian petisyen untuk pembubaran atau penggulungan mengikut mana-mana yang berkenaan, dan kami percaya secara munasabah bahawa kami mungkin tidak boleh menerima bayaran untuk amaun yang sudah cukup matang, dan/atau
- (h) untuk apa-apa sebab lain yang Atilze mengaggap sesuai.

13. Penamatan oleh Atilze

13.1 Atilze boleh menamatkan Perkhidmatan Atilze Fleet pada bila-bila masa, dengan memberikan notis enam puluh (60) hari kepada Pelanggan.

13.2 Atilze berhak untuk menamatkan Perkhidmatan Atilze Fleet dan/atau Perjanjian jika:-

- (a) Pelanggan melanggar mana-mana terma atau syarat Perjanjian dan gagal untuk membetulkan pelanggaran itu dalam empat belas (14) hari dari tarikh penerimaan notis bertulis yang memerlukannya untuk membetulkan pelanggaran tersebut;
- (b) Pelanggan melakukan perbuatan muflis atau mengalami penyampaian petisyen untuk pembubaran atau penggulungan;
- (c) Pelanggan hendaklah membuat sebarang pengaturan untuk manfaat atau memasuki mana-mana perjanjian atau perjanjian komposisi dengan pemiutangnya; Pelanggan hendaklah membenarkan atau menerima sebarang prosiding pelaksanaan yang dikenakan pada mana-mana harta, premis, barangan, lekapan, kelengkapan, peralatan, keterangan dan kesan;
- (d) satu peristiwa Force Majeure;
- (e) penggantungan Perkhidmatan Atilze Fleet bawah Klausula 13 lebih daripada empat belas (14) hari;
- (f) perubahan Undang-Undang; atau

- (g) pelanggaran polisi Atilze.

14. Kesan Penamatan

14.1 Selepas penamatan Perkhidmatan Atilze Fleet atau Terma-Terma Am Atilze Telematics: -

- (a) Atilze akan menamatkan Perkhidmatan Atilze Fleet dengan segera;
- (b) Pelanggan hendaklah membayar caj tertunggak kepada Atilze dengan segera; dan
- (c) penamatan Perkhidmatan Atilze Fleet tidak akan membebaskan Pelanggan daripada sebarang tuntutan yang mungkin timbul daripada Atilze terhadap Pelanggan di bawah Perjanjian sebelum Perkhidmatan Atilze Fleet ditamatkan.

14.2 Sekiranya Pelanggan menyewa Produk daripada kami, Pelanggan mesti membenarkan Atilze untuk menanggalkan dan mengeluarkan Produk daripada Kenderaan dalam tempoh masa tujuh (7) hari selepas Perkhidmatan Atilze Fleet telah diberhentikan. Sekiranya Pelanggan enggan atau gagal untuk memulangkan Produk kepada Atilze, Pelanggan akan membayar nilai sepeuhnya untuk penggantian Produk.

14.3 Klausula 8, 11, 13 dan 14 dan klausa-klausa yang dengan sifatnya akan bertahan selepas penamatan Perkhidmatan Atilze Fleet atau Perjanjian akan terus bertahan.

15. Bahasa Pentadbiran

15.1 Jadual ini merupakan satu penterjemahan versi Bahasa Inggeris dan sekiranya terdapat sebarang percanggahan di antara versi Bahasa Inggeris dan versi ini, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.

[baki halaman ini dengan sengaja dibiarkan kosong]